

LOKASI BABY HATCH

SELANGOR

- ➔ Yayasan OrphanCARE, Kampung Tunku, Petaling Jaya
- ➔ KPJ Damansara Specialist Hospital, Damansara Utama, Petaling Jaya

JOHOR

- ➔ Yayasan OphanCARE (Johor Bahru), Bandar Baru UDA, Johor Bahru
- ➔ KPJ Johor Specialist Hospital, Jalan Abdul Samad, Johor Bahru

PERAK

- ➔ KPJ Ipoh Specialist Hospital, Jalan Raja Di Hilir, Ipoh

WILAYAH PERSEKUTUAN

- ➔ KPJ Tawakkal Specialist Hospital, Jalan Pahang Barat, Kuala Lumpur

NEGERI SEMBILAN

- ➔ KPJ Seremban Specialist Hospital, Kemayan Square, Seremban

PULAU PINANG

SUSULAN TANDAS, LOJI KUMBAHAN TEMPAT BUANG BAYI

Kemudahan Baby Hatch masih gagal dimanfaatkan

➔ Lebih 3,000 pasangan suami isteri sedia jaga bayi dibuang

BERITA HARIAN 16/10/2018 MAS 12



Kakitangan OrphanCARE menunjukkan cara meletakkan bayi di Baby Hatch.

● KPJ Perdana Specialist Hospital, Bandar Perda, Bukit Mertajam, Seberang Perai

KELANTAN

● KPJ Perdana Specialist Hospital, Jalan Bayam, Kota Bharu

PAHANG

● Kuantan Specialist Hospital, Jalan Alor Akar, Kuantan

KRITERIA PENGAMBILAN ANAK ANGKAT

- Pemohon usia 45 tahun ke atas
- Sekurang-kurangnya 5 tahun berkahwin
- Warganegara Malaysia, tinggal di Semenanjung
- Pendapatan gabungan pasangan RM5,000 ke atas
- Tinggal di kejiranan selamat

PROSEDUR PENGAMBILAN ANAK ANGKAT BABY HATCH

- Permohonan kepada Yayasan OrphanCare
- Penilaian, temu duga dijalankan
- Tapisan pemohon
- Sebaik bayi diterima melalui Baby Hatch, laporan kepada polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dibuat dalam 24 jam
- Bayi dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut
- Pemohon dihubungi memaklumkan mengenai bayi bakal mereka terima
- Urusan dokumentasi termasuk urusan mahkamah
- Bayi diserahkan kepada pemohon
- Tempoh penyerahan bergantung kepada urusan rawatan, dokumentasi, kelulusan mahkamah

Oleh Siti Azila Alias
sitiazila@bh.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 3,000 pasangan suami isteri memohon mendapatkan bayi yang diberi perlindungan oleh Yayasan OrphanCARE, sama ada diselamatkan atau ditinggalkan di pusat program Baby Hatch kendalian yayasan itu.

Ia membuktikan ramai sanggup menerima 'bayi segera' untuk dipelihara selepas mereka 'dibuang' ibu atau bapa sendiri, sekali gus memberi jaminan keselamatan serta peluang tinggi untuk si kecil menjalani hidup lebih sihat.

Pengurus Latihan dan Pentadbir Program Yayasan OrphanCARE, Syarahh Mohamed Tahir, mengakui permohonan diterima pihaknya untuk mendapatkan anak angkat sangat tinggi, namun hanya pasangan yang melepasi penilaian serta menepati kriteria ditetapkan

akan disenarai pendek.

"Sehingga kini 209 bayi yang diselamatkan Yayasan OrphanCARE termasuk 53 yang ditinggalkan di Baby Hatch, sudah diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing. Ada lagi kira-kira 30 pasangan dalam senarai menunggu untuk mendapatkan bayi dari Baby Hatch sebagai anak angkat.

"Pasangan itu disenarai pendek selepas tapisan dibuat kepada keseluruhan 3,355 permohonan yang diterima sejak khidmat perlindungan bayi ini kami mulakan pada 2009," katanya kepada BH.

Kurang risiko bayi maut

Beliau bagaimanapun mengakui kemudahan Baby Hatch masih gagal dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengatasi kematian akibat kes buang bayi, sedangkan ia terbukti membantu mengurangkan risiko bayi maut akibat jenayah itu.

Katanya, ini terbukti apabila jumlah bayi diserahkan melalui rangkaian Baby Hatch di seluruh negara

jauh rendah rendah rendah berbanding keseluruhan kes buang bayi yang direkodkan setiap tahun.

Hanya 2 bayi diserahkan tahun ini

Tahun ini, beliau berkata, hanya dua bayi diterima Baby Hatch, sedangkan 85 kes buang bayi direkodkan Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman untuk tempoh Januari hingga Jun.

Berdasarkan rekod Yayasan OrphanCARE, seramai 36 daripada 53 bayi diterima melalui Baby Hatch di tiga lokasi, iaitu Petaling Jaya di Selangor, Johor Bahru di Johor dan Sungai Petani di Kedah, manakala 17 lagi melalui kemudahan sama di rangkaian tujuh Hospital Pakar KPJ seluruh negara.

Syarahh berkata, pihaknya berhasrat bertemu ibu atau bapa yang meninggalkan bayi mereka kerana menyedari bukan semua benar-benar berniat melakukan jenayah itu, sebaliknya mungkin kerana terdesak, panik, malu, miskin atau

akibat dirogol.

"Dengan memilih Baby Hatch, ia membuktikan individu terbabit mahukan jaminan keselamatan buat bayi yang ditinggalkan. Ada yang menangis ketika meletakkan bayi dalam kotak disediakan, selain tinggalkan surat untuk bayi atau keluarga angkat dan memohon maaf.


"Malah ada yang bertukar fikiran dan mengambil anak itu semula kerana sayang," katanya sambil menambah, pihaknya menghadapi kekangan kos tinggi untuk penyelenggaraan, pengurusan dan pelbagai aspek lain untuk mengembangkan rangkaian Baby Hatch.

"Namun, kami sedia mempertimbangkan jika dibantu penaja kerana memang kami harap kemudahan ini dapat disediakan di lebih banyak lokasi khususnya di luar bandar. Kalau boleh Baby Hatch dapat disediakan di hospital kerajaan supaya lebih ramai bayi dapat diselamatkan," katanya.

PROSEDUR MELETAKKAN BAYI DI BABY HATCH ORPHANCARE



Pintu peti dibuka untuk meletakkan bayi.



Bayi diletakkan di dalam peti. Peti tidak boleh dibuka semula selepas bayi diletakkan dan hanya boleh dibuka dari dalam.



Peti dilengkapi pendingin hawa, tilam, lampu kamera litar tertutup (CCTV) termasuk sensor berat badan yang akan mengaktifkan penggera supaya penjaga pusat berkenaan mengetahui ada bayi diletakkan di dalam peti itu.